



**DUOPHARMA BIOTECH BERHAD**

**POLISI PERCANGGAHAN  
KEPENTINGAN**

**NO. DOKUMEN: DBB/GRMI/POL/003-04**

**NO. RUJUKAN: 04**

**TARIKH BERKUAT KUASA : 24 JANUARI 2020  
TARIKH SEMAKAN SEMULA : 8 NOVEMBER 2023**



## POLISI PERCANGGAHAN KEPENTINGAN

### 1. PENGENALAN

Duopharma Biotech Berhad (“Duopharma Biotech” atau “Syarikat”) beriltizam untuk mencapai standard tertinggi perilaku etika serta pematuhan setiap undang-undang terpakai negara-negara di mana Kumpulan Duopharma Biotech menjalankan perniagaan. Polisi ini memberi panduan kepada Pengarah-pengarah, Pegawai-pegawai dan Kakitangan (tetap atau sementara) Duopharma Biotech bagi mengelak sebarang percanggahan atau percanggahan yang diamati di antara kepentingan mereka tersendiri dan kepentingan pihak Syarikat.

### 2. TAKRIF

Kecuali dinyatakan sebaliknya di dalam polisi ini, definisi yang digunakan dalam polisi ini akan membawa makna yang sama sebagaimana yang diperuntukkan dan/atau ditakrifkan dalam Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (“ASPRM”) 2009 (Akta 694) dan ASPRM (Pindaan) Akta 2018 (Akta 1567).

Suatu percanggahan kepentingan timbul apabila kegiatan atau perhubungan peribadi seseorang Pengarah, Pegawai atau Kakitangan mengganggu keobjektifan mereka dalam melakukan sesuatu untuk kepentingan Syarikat. Percanggahan kepentingan, sama ada yang nyata, berkemungkinan mahupun yang dilihat pada pandangan kasar, boleh mendatangkan akibat yang serius terhadap Pengarah-pengarah, Pegawai-pegawai, Kakitangan dan Syarikat. Percanggahan kepentingan boleh timbul dalam situasi secara langsung atau tidak langsung. Pengarah-pengarah, Pegawai-pegawai dan Kakitangan Duopharma Biotech dikehendaki untuk menjauhi situasi percanggahan kepentingan dengan tekun. Percanggahan wujud, sama ada dalam bentuk:-

- ❖ **Nyata** – wujud pada ketika itu;
- ❖ **Berkemungkinan** – ia mungkin timbul, berdasarkan hal keadaan; atau
- ❖ **Diamati** – pihak-pihak berkepentingan secara munasabahnya boleh membentuk pendapat bahawa suatu percanggahan itu wujud atau boleh timbul, yang boleh mempengaruhi pelaksanaan kewajipan seseorang itu kepada Syarikat sama ada pada ketika itu atau di masa hadapan.

### 3. GARIS PANDUAN

Setiap Pengarah, Pegawai dan Kakitangan hendaklah mengelak situasi-situasi di mana kepentingan peribadi mereka bercanggah dengan kepentingan Syarikat. Adalah mustahil untuk menyenaraikan setiap situasi percanggahan yang boleh timbul, oleh itu, yang berikut adalah contoh-contoh percanggahan kepentingan yang mungkin timbul dan perlu dielak oleh Pengarah-pengarah, Pegawai-pegawai dan Kakitangan Duopharma Biotech:

#### A. Pekerjaan atau Kegiatan Perniagaan Luar

Pengarah-pengarah, Pegawai-pegawai dan Kakitangan Duopharma Biotech mestilah mengisyiharkan apa-apa kegiatan luar, kepentingan kewangan atau perhubungan yang mungkin menimbulkan percanggahan kepentingan sama ada yang nyata, berkemungkinan atau diamati. Bagi Kakitangan dan Pegawai, pengisyiharan hendaklah dibuat kepada Ketua Jabatan dan seterusnya dikomunikasikan kepada Ketua Pengurusan Risiko & Integriti Kumpulan. Kebenaran Ketua Jabatan hendaklah diperolehi sebelum menerima apa-apa jawatan sama ada sebagai pegawai atau pengarah dalam sesuatu perniagaan luar daripada Syarikat. Dalam apa jua keadaan, Ketua Jabatan boleh membuat keputusan untuk berunding dengan Pengarah Urusan Kumpulan sebelum memberikan kelulusan.

Bagi seorang Pengarah, pengisyiharan hendaklah dibuat kepada Pengerusi Duopharma Biotech dan seterusnya dikomunikasikan kepada Setiausaha Syarikat.

- ❖ Melibatkan diri di dalam apa-apa perniagaan atau kegiatan lain, cthnya. Jualan langsung untuk keuntungan atau manfaat kewangan.
- ❖ Mempunyai apa-apa kepentingan di dalam organisasi lain yang mempunyai urusan perniagaan dengan Syarikat.
- ❖ Mempunyai pekerjaan kedua di mana majikannya merupakan pesaing perniagaan langsung atau tidak langsung, pengedar, pembekal atau pelanggan Duopharma Biotech.
- ❖ Mempunyai pekerjaan kedua atau hubungan klien-perunding yang memberi kesan kepada kebolehan Pengarah, Pegawai atau Kakitangan Duopharma Biotech untuk melakukan tanggungjawab yang ditugaskan dengan memuaskan.
- ❖ Menjual atau memajak harta tanah, perkhidmatan atau peralatan kepada Syarikat.

Mempunyai pekerjaan luar yang memerlukan penggunaan sumber, masa, kemudahan atau harta Duopharma Biotech adalah dikira sebagai percanggahan kepentingan. Pegawai-pegawai dan Kakitangan Duopharma Biotech perlu merujuk kepada Ketua Jabatan mereka dan/atau Ketua Pengurusan Risiko & Integriti Kumpulan untuk menentukan sama ada situasi/pekerjaan kedua tersebut boleh dikira sebagai percanggahan kepentingan sebelum menerima pekerjaan di luar Syarikat tersebut.

### 3. GARIS PANDUAN (*Bersambung*)

#### B. Jawatan Pengarah

- ❖ Pegawai-pegawai dan Kakitangan Duopharma Biotech mestilah memberitahu pihak Pengurusan sebelum menerima jawatan pengarah mana-mana lembaga pengarah organisasi kebajikan, pendidikan, atau lain-lain organisasi bukan untung. Penerimaan jawatan pengarah tanpa kelulusan terdahulu daripada Ketua Pengarah Urusan, yang akan menentukan sama ada jawatan pengarah tersebut menimbulkan percanggahan kepentingan, adalah suatu salah laku. Dalam apa jua keadaan, Ketua Jabatan boleh membuat keputusan untuk berunding dengan Pengarah Urusan Kumpulan sebelum memberikan kelulusan.
- ❖ Berkhidmat sebagai pengarah, perunding atau ejen kepada pesaing Syarikat adalah salah laku yang serius dan dilarang.
- ❖ Ahli saudara-mara atau sekutu kepada Pengarah-pengarah, Pegawai-pegawai dan Kakitangan, tidak boleh menerima jawatan pengarah luar atau menjadi rakan kongsi senyap di dalam entiti organisasi-organisasi yang diketahui adalah kontraktor/vendor berdaftar Duopharma Biotech, yang sudah mempunyai, atau ingin mempunyai urusan perniagaan dengan Syarikat melainkan pendedahan terlebih dahulu telah dibuat mengikut polisi ini dan kelulusan yang berkaitan telah diperolehi.

#### C. Pelaburan

- ❖ Mempunyai kepentingan kewangan langsung atau tidak langsung, atau hubungan kewangan dengan pesaing, pembekal atau pelanggan Duopharma Biotech (*kecuali pegangan saham tidak signifikan di dalam syarikat tersenarai awam*)
- ❖ Menggunakan maklumat rahsia Duopharma Biotech untuk keuntungan atau manfaat peribadi, atau untuk keuntungan atau manfaat pihak lain, termasuk pembelian atau penjualan sekuriti di dalam perniagaan yang mana Duopharma Biotech berminat untuk memperoleh, melepaskan atau selainnya membina atau menamatkan hubungan perniagaan.
- ❖ Melabur di dalam peluang perniagaan luar yang mana Duopharma Biotech mempunyai kepentingan, kecuali pegangan saham yang tidak signifikan di dalam syarikat-syarikat tersenarai awam. (*Untuk keterangan lanjut, sila rujuk kepada Polisi Perdagangan Sekuriti*)

#### D. Komunikasi Luaran

- ❖ Pegawai-Pegawai dan/atau Kakitangan Duopharma Biotech mesti mendapatkan kelulusan terdahulu daripada Ketua Jabatan sebelum menerima tawaran sebagai penceramah di mana-mana kursus/bengkel/majlis rasmi anjuran pihak luar. Salinan permohonan dan kelulusan haruslah dilanjutkan kepada ahli Majlis Pengurusan Kumpulan tertinggi dan Ketua Pengarah Urusan Kumpulan.

### 3. GARIS PANDUAN (*Bersambung*)

- ❖ Penerimaan honorarium/saguhati peribadi untuk pemberian perkhidmatan yang berhubung kait rapat dengan pekerjaan Pengarah, Pegawai atau Kakitangan di dalam Duopharma Biotech. Pegawai-pegawai dan Kakitangan Duopharma Biotech. (Sila rujuk kepada Garis Panduan bagi Penerimaan Honorarium/Saguhati Pensyarah/Penceramah)

#### E. Hubungan

- ❖ Mencampuri hubungan peribadi dengan perniagaan – contohnya, melantik seorang saudara sebagai Pengarah, Pegawai, Kakitangan atau vendor; memperoleh barang atau perkhidmatan daripada suami atau isteri, saudara, sekutu atau rakan kepada Pengarah, Pegawai atau Kakitangan, bagi pihak Duopharma Biotech; atau menjual barang Duopharma Biotech kepada suami atau isteri, saudara, sekutu atau rakan kepada Pengarah, Pegawai atau Kakitangan atas terma yang menyebelahi mereka dan bukan atas dasar selengkap.
- ❖ Mengambil bahagian dalam apa-apa keputusan perniagaan Duopharma Biotech yang melibatkan syarikat di mana suami atau isteri, saudara, sekutu atau rakan kepada Pengarah, Pegawai atau Kakitangan bekerja.

Takrifan ‘saudara’ menurut Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 adalah seperti berikut:

- i. Isteri atau suami Pengarah, Pegawai atau Kakitangan itu;
- ii. Adik atau abang atau kakak kepada Pengarah, Pegawai atau Kakitangan itu;
- iii. Adik atau abang atau kakak kepada suami atau isteri Pengarah, Pegawai atau Kakitangan itu;
- iv. Orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke atas atau ke bawah Pengarah, Pegawai atau Kakitangan itu;
- v. Orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke atas atau ke bawah kepada suami atau isteri Pengarah, Pegawai, atau Kakitangan itu;
- vi. Orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke atas atau kebawah kepada orang yang disebut dalam perenggan (ii);
- vii. Bapa saudara, emak saudara atau sepupu kepada Pengarah, Pegawai, atau Kakitangan itu; atau
- viii. Menantu kepada Pengarah, Pegawai, atau Kakitangan itu.

### 3. GARIS PANDUAN (*Bersambung*)

Takrifan ‘sekutu’ menurut Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 adalah seperti berikut:

- i. Mana-mana orang yang merupakan penama Pengarah, Pegawai, atau Kakitangan itu;
  - ii. Mana-mana orang yang menguruskan hal ehwal Pengarah, Pegawai, atau Kakitangan itu;
  - iii. Mana-mana organisasi yang Pengarah, Pegawai, atau Kakitangan itu, atau mana-mana penamanya, menjadi pekongsinya, atau orang yang bertanggungjawab bagi atau mengawal, atau yang mempunyai kepentingan mengawal dalam perniagaannya atau hal ehwalnya;
  - iv. Mana-mana perbadanan mengikut pengertian Akta Syarikat 1965 (Akta 125), yang Pengarah, Pegawai atau Kakitangan itu, atau mana-mana penamanya, menjadi pengarahnnya atau bertanggungjawab bagi atau mengawal perniagaannya atau hal ehwalnya, atau yang dalamnya Pengarah, Pegawai atau Kakitangan itu, bersendirian atau bersama dengan mana-mana penamanya, mempunyai kepentingan mengawal, atau syer yang nilainya berjumlah tidak kurang daripada tiga puluh peratus daripada modal terbitan keseluruhan perbadanan itu; atau
  - v. Pemegang amanah mana-mana amanah, jika –
    - o Amanah itu telah diwujudkan oleh Pengarah, Pegawai atau Kakitangan itu; atau
    - o Nilai keseluruhan aset yang disumbangkan oleh Pengarah, Pegawai atau Kakitangan itu kepada amanah itu pada bila-bila masa, sama ada sebelum atau selepas amanah itu diwujudkan, berjumlah, pada bila-bila masa, tidak kurang daripada dua puluh peratus daripada keseluruhan nilai aset amanah itu.
- ❖ Hubungan peribadi dengan lain-lain Pengarah, Pegawai atau Kakitangan Duopharma Biotech, yang mana hubungan tersebut boleh menyebabkan salah seorang daripada mereka menerima atau memberi kelebihan yang tidak adil, atau layanan utama disebabkan oleh hubungan itu.
- ❖ Tindakan atau hubungan yang mungkin bercanggah atau kelihatan bercanggah dengan tanggungjawab pekerjaan atau kepentingan Duopharma Biotech.

### 3. GARIS PANDUAN (*Bersambung*)

- ❖ Mempunyai hubungan percintaan dengan lain-lain Pengarah, Pegawai, atau Kakitangan Duopharma Biotech jika:
  - Ada perhubungan pelaporan (langsung dan tidak langsung) di antara Pengarah-pengarah, Pegawai-pegawai atau Kakitangan Duopharma Biotech;
  - Tiada hubungan pelaporan langsung di antara Pengarah-pengarah, Pegawai-pegawai atau Kakitangan Duopharma Biotech, tetapi hubungan percintaan itu boleh menyebabkan orang lain hilang keyakinan terhadap pertimbangan atau keobjektifan salah seorang daripada Pengarah, Pegawai atau Kakitangan (*contohnya di mana salah seorang atau kedua-duanya mempunyai akses kepada maklumat sensitif*), atau hubungan itu boleh mendatangkan malu kepada Syarikat.

Sekiranya hubungan sebegitu wujud, pihak-pihak tersebut perlu sedar bahawa salah seorang atau kedua-duanya, boleh, atas budi bicara Pengurusan Duopharma Biotech, dipindahkan, ditukarkan atau dipinjamkan kepada jabatan, unit perniagaan, bahagian atau syarikat lain di dalam Kumpulan Duopharma Biotech, dan/atau dikenakan tindakan lain terhadap mereka (*termasuk, tetapi tidak terhad kepada pertukaran ruang lingkup kerja dan/atau tanggungjawab*

#### 4. PEMATUHAN DAN PEMANTAUAN POLISI

- i. Pengarah-pengarah, Pegawai-pegawai dan Kakitangan Duopharma Biotech mestilah mengemaskini secara berkala, berhubungan dengan apa-apa aktiviti yang telah diisyiharkan menurut Polisi ini sebelum ini kepada pihak pengurusan atau Pengerusi Duopharma Biotech (*hanya untuk Pengarah*).
- ii. Pengarah-pengarah, Pegawai-pegawai dan Kakitangan perlu berkelakuan pada setiap masa dengan cara yang konsisten dengan jawatan mereka sebagai Pengarah, Pegawai dan Kakitangan Syarikat. Mereka hendaklah mengelakkan situasi yang boleh menimbulkan percanggahan kepentingan. Walaubagaimanapun, ada kalanya, persoalan sama ada percanggahan kepentingan itu wujud atau tidak, mungkin kurang jelas dan oleh itu terbuka kepada interpretasi. Dalam keadaan tersebut, Pengarah, Pegawai atau Kakitangan yang terbabit hendaklah merujuk kepada Ketua Jabatan dan/atau Ketua Pengurusan Risiko & Integriti Kumpulan.
- iii. Pegawai-pegawai dan Kakitangan perlu mengemukakan Pengisythiran Kepentingan secara tahunan kepada Pengurusan Risiko & Integriti Kumpulan. Kami meminta pengisytiharan percanggahan kepentingan yang nyata dan juga diamati, dan mengambil tindakan yang wajar untuk menangani percanggahan tersebut. (*Rujuk kepada Borang Pengisythiran Kepentingan*)

Untuk seorang Pengarah, pendedahan perlu dibuat kepada Pengerusi Duopharma Biotech dan seterusnya disampaikan kepada Setiausaha Syarikat.

- iv. Pengarah-pengarah, Pegawai-pegawai dan Kakitangan harus mengingati bahawa kewajipan untuk mengisytiharkan kepentingan itu adalah kewajipan yang berterusan. Sekiranya Pengarah, Pegawai atau Kakitangan menyedari secara retrospektif akan kepentingan yang berkaitan dengan perkara yang telah dipertimbangkan, mereka harus memberitahu Pengerusi Duopharma Biotech (*hanya untuk Pengarah*), Ketua Jabatan dan/atau Ketua Pengurusan Risiko & Integriti Kumpulan tentang kepentingan tersebut pada kesempatan terawal.
- v. Ketua Pengurusan Risiko & Integriti Kumpulan bertanggungjawab untuk menjalankan taksiran rasmi ke atas kepematuhan dan keberkesanan Polisi, dan sebarang pola yang muncul, dan melaporkannya kepada Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan juga Ketua Pengarah Kumpulan.
- vi. Mana-mana Pengarah, Pegawai, atau Kakitangan yang tidak mematuhi mana-mana bahagian Polisi ini akan dikenakan tindakan disiplin.
- vii. Ketua Pengarah Kumpulan adalah bertanggungjawab secara keseluruhannya ke atas Polisi Percanggahan Kepentingan ini.

- TAMAT -